

**TEKS UCAPAN
Y. BHG. DATO' IR HJ. ISMAIL BIN MD SALLEH
KETUA PENGARAH LLM
PADA
HARI SISIH LLM
4.00 PETANG, 27 JANUARI 2012
DEWAN SERBAGUNA, LLM**

TERIMA KASIH SAUDARI PENGACARA MAJLIS

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

Y.BERUSAHA EN MOHD SALLEH BIN SANTHIMAN

TIMB. KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

Y. BERUSAHA TN. HJ. RAHIM BIN GOON

TIMB. KETUA PENGARAH (BISNES)

Y. BERUSAHA EN MOHD SHUHAIMI BIN HASSAN

PENGARAH KANAN PROJEK (JPP 2)

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BINTI SHAHARUDIN

PENGARAH KANAN PENGURUSAN

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN LLM

PEGAWAI-PEGAWAI SERTA KAKITANGAN LLM SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1
MALAYSIA

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM YANG HADIR PADA **MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PROGRAM 5S** PADA PETANG INI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

SEBAGAIMANA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEDIA MAKLUM, KERAJAAN KINI SEDANG MELAKSANAKAN PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP) YANG MENUNTUT KITA UNTUK MENGGUNAKAN KAEDAH KERJA BARU DALAM MELAKSANAKAN TUGAS. SEHUBUNGAN ITU, SAYA BERASA AMAT BANGGA KERANA LLM TELAH MENGAMBIL LANGKAH YANG BEGITU KONSTRUKTIF DALAM MENJANA TRANSFORMASI DI ORGANISASI INI MELALUI **PROGRAM 5S**. KITA SELAKU PENJAWAT AWAM PERLU **MEMBUDAYAKAN KREATIVITI DAN INOVASI** DAN MESTI BERFIKIR DI LUAR LINGKUNGAN KOTAK.

UNTUK MAKLUMAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, SISTEM PERSEKITARAN BERKUALITI 5S DI LLM TELAH DILANCARKAN PADA BULAN APRIL TAHUN 2010. SEMENJAK PROGRAM 5S TERSEBUT DIPERKENAL DAN DILAKSANAKAN DI LLM, SAYA MELIHAT WARGA LLM TELAH MENUNJUKKAN KOMITMEN TINGGI DALAM MEMASTIKAN PERSEKITARAN TEMPAT KERJA MASING-MASING BERSIH, SELESA, KEMAS DAN SELAMAT. INI SECARA TIDAK LANGSUNG MEMBANTU KEPADA PEMATUHAN SISTEM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN YANG MANA LLM MENSASARKAN PERSIJILAN OSHAS 18000 PADA TAHUN INI.

SAYA JUGA MELIHAT WARGA LLM TELAH BERUSAHA UNTUK MENGENENGAHKAN LEBIH BANYAK IDEA-IDEA KREATIF DAN INOVATIF. IDEA-IDEA INI SEDIKIT SEBANYAK BOLEH DIJADIKAN LANGKAH PENYELESAIAN MASALAH ATAU TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN DALAM KERJA SEHARIAN DAN MENINGKATKAN KUALITI SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN. SELAIN ITU, IDEA-IDEA BARU INI DAPAT MEMBANTU MERANGSANG AMALAN PENJIMATAN DI LLM ANTARANYA MENGELAKKAN PEMBAZIRAN AIR DAN ELEKTRIK.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

AMALAN 5S INI JUGA MERUPAKAN TEKNIK YANG PALING BERKESAN BAGI MEWUJUDKAN PENINGKATAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI SECARA BERTERUSAN DALAM AKTIVITI YANG BERORIENTASIKAN MANUSIA DAN PROSES. BAGI MENJAYAKANNYA, PENYERTAAN DAN KOMITMEN YANG BERTERUSAN DARI WARGA LLM AMATLAH DIPERLUKAN. DI SAMPING ITU, JAWATANKUASA 5S JUGA TELAH BANYAK MEMBANTU MENJAYAKAN BUDAYA 5S DI LLM. JAWATANKUASA INI TELAH MENGANJURKAN PELBAGAI PROGRAM BERTUJUAN UNTUK MEMBERI KESEDARAN SERTA MENGGALAKKAN WARGA LLM MENGAMALKAN PRINSIP 5S. DI ANTARA PROGRAM-PROGRAM 5S YANG TELAH DIANJURKAN IALAH LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE ORGANISASI YANG BERJAYA MENGAMALKAN 5S, PERTANDINGAN MENCIPTA SLOGAN 5S, PERTANDINGAN MENCIPTA POSTER 5S, PERTANDINGAN RUANG/BILIK FAIL 5S DAN PERTANDINGAN BAHAGIAN TERBAIK 5S. SETIAP KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN MENAWARKAN HADIAH YANG MENARIK SEBAGAI DORONGAN KEPADA MEREKA UNTUK MENYERTA

PERTANDINGAN DI SAMPING TERUS BERUSAHA UNTUK MEMBERIKAN YANG TERBAIK.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

PADA PETANG INI JUGA, SAYA DIFAHAMKAN OLEH PIHAK URUSETIA TERDAPAT SESI PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA PEMENANG YANG TELAH BERJAYA MEMENANGI PERTANDINGAN MENCIPTA POSTER 5S, PERTANDINGAN BILIK /RUANG FAIL TERBAIK 5'S DAN BAHAGIAN TERBAIK 5S. TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA SEMUA PEMEBANG.

SAYA BERHARAP DENGAN PELAKSANAAN PROGRAM 5S INI, USAHA LLM UNTUK MENDAPATKAN PERSIJILAN DARIPADA PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) PADA TAHUN 2012 DAPAT DIREALISASIKAN. SELAIN ITU, KEPUTUSAN PENGURUSAN LLM UNTUK MEMPEROLEHI PERSIJILAN 5S INI MERUPAKAN SATU USAHA MENZAHIRKAN BAHAWA LLM MEMPUNYAI SUMBER MANUSIA YANG BERUPAYA MEMPAMERKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN DALAM MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KERJA YANG BERKUALITI. KEUPAYAAN INI AKAN MEMAPARKAN IMEJ KORPORAT LLM YANG

SENTIASA DIPERKASA MENERUSI KEUPAYAANNYA DALAM MELAKSANAKAN PROSES PENAMBAHBAIKAN SECARA BERTERUSAN.

AMALAN 5S INI MERUPAKAN SALAH SATU BENTUK PELABURAN JANGKA PANJANG UNTUK MEMASTIKAN LLM TERUS TEGUH MENGHADAPI CABARAN-CABARAN PERSEKITARAN DAN EKSPEKTASI PELANGGAN SERTA MEMPUNYAI REPUTASI SEBAGAI SEBUAH ORGANISASI CONTOH KEPADA AGENSI KERAJAAN YANG LAIN.

PADA HARI INI KITA TELAH MELAKSANAKAN AKTIVITI **S** PERTAMA IAITU **SEIRI ATAU SISIH** BAGI TAHUN 2012 YANG BERTUJUAN MENYISIH DAN MEMBUANG BARANG-BARANG YANG TIDAK DIPERLUKAN DI BAHAGIAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN. INI BERTUJUAN MEMASTIKAN HANYA BARANG-BARANG YANG DIPERLUKAN SAHAJA DISIMPAN DAN DIGUNAKAN. SECARA TIDAK LANGUNG PROSES INI AKAN DAPAT MEWUJUDKAN PENGGUNAAN RUANG KERJA YANG OPTIMUM DAN PERSEKITARAN TEMPAT KERJA YANG LEBIH BERSIH, KEMAS DAN SELAMAT.

AKHIR KATA SAYA BERHARAP AGAR SEMUA WARGA LLM DAPAT
MEMBERIKAN KOMITMEN DAN KERJASAMA TERBAIK DALAM
MEMASTIKAN PELAKSANAAN PROGRAM INI TERCAPAI.

SEKIAN, TERIMA KASIH.